



Utusan Malaysia

18-Nov-2009

Page: 21

Business & Finance

Region: Malaysia

Circulation: 213445

Type: Malaysia - Malay Newspapers

Size: 67.17 sq.cms

Frequency: MT5WTFS

Saiz dana ditambah

KUALA LUMPUR 17 Nov. – CIMB-Principal Asset Management Bhd. telah menerima kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk meningkatkan saiz dana *CIMB Islamic DALI Equity Theme Fund* kepada 2.2 bilion unit berbanding dua bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, J. Campbell Tupling berkata, dana itu telah ditingkatkan sebanyak empat kali berikutan permintaan yang cukup menggalakkan.

“Pertambahan dana ini kena pada masanya dengan permintaan daripada para pelabur yang mahu menambah ekuiti domestik sebahagian daripada peruntukan strategi aset utama.

“Kami yakin dana ini akan terus popular di kalangan para pelabur,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

CIMB Islamic DALI Equity Theme Fund menyediakan peningkatan modal dalam tempoh jangka sederhana dan panjang melalui pelaburan dalam sekuriti tempatan khususnya dalam sektor minyak dan gas serta pembuatan.

Dalam pada itu, CIMB-Principal Asset turut mengumumkan pengagihan CIMB-Principal Equity Fund 2 and CIMB-Principal Equity Growth Fund masing-masing sebanyak lima sen seunit bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2009.